

Usah harap kontrak kerajaan saja: PM

B.H 10 OCT 1992

(P)

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kontraktor binaan Bumiputera menghentikan sikap terus bergantung kepada keistimewaan mendapatkan kerja kontrak kerajaan.

Sebaliknya, kata beliau, mereka perlu meningkatkan kemampuan bersaing secara terbuka untuk kekal dalam perniagaan.

Perdana Menteri berkata selepas 35 tahun merdeka, kontraktor binaan Bumiputera yang diberi pelbagai keistimewaan dan kelonggaran, gagal mencapai matlamat yang diharapkan.

Katanya, dalam tempoh itu sangat sedikit agihan kejayaan yang diperuntukkan kepada Bumiputera dimiliki orang perseorangan atau syarikat Bumiputera sepenuhnya, sebaliknya berbentuk ekuiti dalam syarikat kerajaan seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB).

"Kontraktor binaan Bumiputera umpama orang tempang yang memerlukan tongkat untuk berjalan. Kerajaan sudah memberi 'tongkat' dalam bentuk kelonggaran harga tawaran dan bayaran pendahuluan 15 peratus, tetapi kita mesti mengakui hakikat bahawa kontraktor Bumiputera masih gagal.

"Mereka harus sedar bahawa kelonggaran yang diberi, bukan keistimewaan kepada Bumiputera. Ia hanya

'tongkat' untuk sementara saja.

"Sebagai Bumiputera saya sendiri berasa malu melihat kontraktor binaan terus-menerus mengharapkan keistimewaan kerajaan untuk terus kekal dalam perusahaan. Sudah sampai masanya kita meneliti 'penyakit' yang melanda kontraktor binaan Bumiputera dan mencari ubatnya kerana jika terus bertongkat, kita tidak dapat berjalan sama tinggi dengan orang lain," katanya.

Dr Mahathir berucap merasmikan Program Kursus Kontraktor Binaan Bumiputera anjuran Institut Kerja Raya (Ikram) di sini, hari ini.

"Kursus ini bukan kunci yang boleh memberi jaminan kejayaan kepada peserta tetapi lebih penting ialah sikap dan peribadi terhadap kerja. Kontraktor mesti mengakui hakikat ini dan bukan meletakkan kesalahan kepada kerajaan atau orang lain," katanya.

Menurutnya, sesetengah kontraktor yang memperolehi kontrak kerajaan menyerahkan secara terus kepada sub-kontraktor dan tidak memperolehi sebarang pengalaman atau kecakapan melaksanakan kerja.

Dr Mahathir berkata, pada masa ini kerajaan belum bercadang menarik balik keistimewaan itu tetapi kontraktor Bumiputera mesti bersedia dari sekarang bersaing tanpa

bantuan.

"Saya percaya kontraktor Bumiputera mampu melakukannya. Dalam bidang profesional seperti kejuruteraan dan perubatan sudah terbukti Bumiputera mampu bersaing, mengapa tidak dalam bidang pembinaan," katanya.

Perdana Menteri menasihatkan kontraktor binaan Bumiputera supaya bekerja kuat, jujur dan ikhlas serta jangan lari daripada hutang supaya kredibiliti mereka tidak tergugat.

Kursus anjuran Ikram selama dua minggu itu disertai 45 kontraktor Bumiputera

Kursus itu bertujuan menyediakan peluang untuk kontraktor pembinaan memahami secara mendalam etika perniagaan dan pengurusan hartanah.

Kursus yang diilhamkan oleh Perdana Menteri adalah program latihan yang menumpukan kepada usaha mengukuhkan kemampuan Bumiputera dalam pengurusan, pengendalian dan penilaian perniagaan mereka melalui kaedah moden.

Ia dilaksanakan dalam bentuk syarahan dan perbincangan terbuka, dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Kebangsaan.

Mulai tahun depan, kursus itu akan diadakan dalam dua bahagian, iaitu bagi kontraktor Kelas F hingga D dan kursus berasingan bagi kontraktor Kelas C hingga A.